



GARIS PANDUAN KEMASUKAN SECARA TERUS / FAST TRACK (ACCELERATED ADMISSION) KE PROGRAM DOKTOR FALSAFAH SECARA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA

1. PENDAHULUAN

Kemasukan secara terus / *Fast Track (accelerated admission)* memberi peluang kepada graduan Sarjana Muda yang mempunyai kelayakan akademik dan potensi yang tinggi untuk melanjutkan pengajian ke program Doktor Falsafah secara penyelidikan tanpa mempunyai kelayakan Sarjana di dalam bidang yang berkaitan.

2. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pentadbir Pusat dan Pentadbir PTj dalam proses pengurusan calon kemasukan secara terus ke tahap Kedoktoran (secara Penyelidikan). Ia juga bertujuan untuk menyelaraskan dan menjamin proses di setiap PTj.

3. SKOP

Garis panduan ini meliputi syarat kemasukan dan proses permohonan, pemantauan dan pengurusan calon kemasukan secara terus ke program Doktor Falsafah secara penyelidikan di Universiti Malaya.

4. DOKUMEN RUJUKAN

- (1) Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) (versi terkini)
- (2) Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran MQA (versi terkini)
- (3) Standard Program mengikut disiplin MQA (versi terkini)

5. DAFTAR KATA

- (1) Definisi

Kemasukan secara terus / *Fast Track* merujuk kepada laluan kemasukan bagi graduan Sarjana Muda yang cemerlang untuk melanjutkan pengajian terus ke program Doktor Falsafah secara penyelidikan dengan memperoleh PNGK sekurang-kurangnya 3.70 atau setara dengannya daripada program akademik atau program *Technical and Vocational Education and Training*.

(2) Singkatan

AASC	Pusat Pentadbiran dan Perkhidmatan Akademik
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PTj	Pusat Tanggungjawab
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif

6. PROSEDUR KEMASUKAN DAN PROSES PEMANTAUAN SERTA PENGURUSAN CALON KEMASUKAN SECARA TERUS / FAST TRACK

(1) Syarat Kemasukan

- (a) Pemohon dikehendaki membuat permohonan di atas talian mengikut prosedur yang ditetapkan.
- (b) Pemohon dikehendaki mengemukakan 'Cadangan Ringkas Penyelidikan' (*Research Intent*) tidak melebihi seribu (1,000) patah perkataan secara atas talian mengenai perkara berikut:
 - (i) Bidang Penyelidikan dan kod NEC
 - (ii) Tajuk Penyelidikan
 - (iii) Objektif kajian
 - (iv) Kaedah Penyelidikan
 - (v) Signifikan kajian
 - (vi) Rujukan
- (c) Pemohon warganegara dan bukan warganegara yang memenuhi syarat seperti di bawah boleh diterima masuk ke program Doktor Falsafah:
 - (i) Ijazah Sarjana Muda dengan minimum PNGK tidak kurang daripada 3.70 atau setara;
dan
 - (ii) Lulus temuduga serta pembentangan kertas cadangan penyelidikan.

(2) Syarat Bahasa Inggeris bagi Pemohon Bukan Warganegara

Syarat Bahasa Inggeris bagi pemohon bukan warganegara adalah seperti berikut:

- (a) memperolehi skor minimum sebanyak 550 untuk jumlah berasaskan kertas (PBT), skor sebanyak 213 bagi jumlah berasaskan komputer (CBT) atau skor

sebanyak 80 bagi jumlah berasaskan internet (iBT) bagi *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL); atau

- (b) memperolehi skor minimum band 5.5 bagi *International English Language Testing System* (IELTS)(*Academic*); atau
- (c) skor mengikut standard program masing-masing jika lebih tinggi dari (a) dan (b); atau
- (d) bagi mana-mana standard program yang menyatakan (TOEFL) atau (IELTS)(*Academic*) yang lebih rendah daripada skor minimum Universiti, program-program tersebut hendaklah mengikut skor minimum yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- (e) memperolehi skor minimum 42 bagi *Pearson Test of Academic English* (PTE *Academic*);
- (f) memperolehi gred C dan ke atas bagi subjek Bahasa Inggeris peringkat A-Level;
- (g) memperolehi gred C dan ke atas bagi subjek *Cambridge English* peringkat *First* (FCE);
- (h) memperolehi gred C dan ke atas bagi subjek *Cambridge English* peringkat *Advanced* (CAE);
- (i) memperolehi gred C dan ke atas bagi subjek *Cambridge English* peringkat *Proficiency* (CPE); atau
- (j) memperolehi skor minimum band 4 bagi *Malaysian University English Test* (MUET)

Nota: Syarat di atas adalah tertakluk kepada pindaan yang diluluskan dari semasa ke semasa.

(3) Struktur Program Pengajian / Aktiviti Penyelidikan

Struktur program pengajian / aktiviti penyelidikan yang akan dijalankan oleh calon adalah seperti berikut:

- (a) mengambil dan lulus kursus Kaedah Penyelidikan.
- (b) Mengambil dan lulus kursus Teras / Elektif (jika berkenaan).
- (c) Membentangkan cadangan penyelidikan di dalam *Proposal Defence*.
- (d) Membentangkan kemajuan penyelidikan di dalam *PhD Confirmation Defence*.

- (e) Membentangkan kemajuan penyelidikan di dalam *Candidature Defence*.
- (f) Membentangkan hasil penyelidikan di dalam Tesis Seminar sebelum penyerahan tesis.
- (g) Menerbit di dalam jurnal berwasit.

(4) Pendaftaran

Calon hendaklah menyempurnakan pendaftaran seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

(5) Tempoh Pengajian

Tempoh Pengajian calon kemasukan secara terus / *Fast Track* adalah seperti berikut:

- (a) Tempoh minimum: 4 semester biasa.
- (b) Tempoh maksimum: 12 semester biasa.

(6) Penyeliaan

PTJ digalakkan melantik sekurang-kurangnya dua (2) orang Penyelia bagi setiap calon yang mengikuti program pengajian ini di mana salah seorang daripadanya merupakan staf akademik sepenuh masa (bertaraf Profesor atau Profesor Madya).

Kriteria pelantikan penyelia hendaklah seperti dalam Polisi Penyeliaan Calon Ijazah Tinggi Universiti Malaya (versi terkini).

(7) Syarat Pencalonan

- (a) Mengambil dan lulus kursus kaedah penyelidikan tidak lewat dari semester kedua pencalonan.
- (b) Dikehendaki menghadiri dengan memuaskan Kursus Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu Universiti tidak lewat dari semester kedua pencalonan bagi calon bukan warganegara.
- (c) Membentangkan cadangan penyelidikan dalam *Proposal Defence* tidak lewat dari semester kedua pencalonan.
- (d) Membentangkan kemajuan penyelidikan dalam *PhD Confirmation Defence* tidak lewat dari semester ketiga pencalonan. Sekiranya kemajuan pengajiannya tidak memuaskan, taraf pencalonan ditukar daripada program Doktor Falsafah secara

penyelidikan kepada program Sarjana yang bersesuaian. Sekiranya kemajuan pengajiannya memuaskan, calon boleh meneruskan pencalonannya.

- (e) Membentangkan kemajuan penyelidikan dalam *Candidature Defence* tidak lewat dari semester kelima pencalonan.
- (f) Membentangkan kemajuan penyelidikan dalam Seminar Tesis sebelum penyerahan tesis untuk peperiksaan.
- (g) Calon bukan warganegara perlu memenuhi syarat mastautin untuk tempoh satu (1) semester.
- (h) **Syarat Penerbitan**

Syarat penerbitan adalah seperti berikut:

- (i) Calon program Doktor Falsafah yang mengikuti program dalam bidang **Sains** perlu menunjukkan bukti penerimaan sekurang-kurangnya dua (2) artikel dalam jurnal diindeks oleh *Web of Science* (WoS) sebelum pengijazahan (seperti yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa).
- (ii) Calon program Doktor Falsafah yang mengikuti program dalam bidang **Sains Sosial** perlu menunjukkan bukti penerimaan untuk penerbitan sebelum pengijazahan (seperti yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa) seperti di bawah:
 - (A) sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam jurnal diindeks oleh WoS; atau
 - (B) sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan buku yang diterbitkan di bawah senarai penerbit WoS *Master Book List* atau Penerbit Universiti Malaya atau Dewan Bahasa dan Pustaka atau mana-mana penerbit yang diiktiraf oleh PTj; atau
 - (C) sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berwasit kategori A atau B, atau bab buku seperti berikut:
 - (aa) Artikel dalam jurnal **Kategori A**:

Jurnal diindeks dalam pangkalan data Scopus;
 - (bb) Artikel dalam jurnal **Kategori B** (Senarai jurnal yang diiktiraf oleh PTj):

Jurnal yang diterbitkan oleh Universiti, atau penerbit ilmiah atau disenaraikan dalam MyJurnal (*Malaysian Journal Management System*).

(cc) Bab buku daripada buku yang berlainan:

Bab buku yang diterbitkan di bawah senarai penerbit WoS *Master Book List* atau Penerbit Universiti Malaya atau Dewan Bahasa dan Pustaka atau mana-mana penerbit yang diiktiraf oleh PTj. Dua (2) bab buku daripada buku yang berlainan adalah bersamaan dengan satu (1) penerbitan.

Nota:

Syarat penerbitan ini adalah tertakluk kepada pindaan syarat yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

- (i) Calon juga hendaklah memenuhi keperluan lain yang diluluskan oleh PTj dan Senat dari semasa ke semasa.
- (j) Had patah perkataan bagi program secara penyelidikan
 - (i) Had maksimum patah perkataan dalam tesis calon adalah 100,000 patah perkataan.
 - (ii) Had maksimum patah perkataan tidak termasuk nota kaki atau nota hujung, rujukan, lampiran, jadual, dan rajah serta pengeluaran semula ataupun terjemahan daripada sebarang teks.
 - (iii) Had minimum patah perkataan dalam tesis calon adalah seperti yang ditetapkan oleh PTj atau berpandukan standard program mengikut disiplin masing-masing (jika ada).
 - (iv) Calon yang tidak memenuhi had patah perkataan yang ditetapkan hendaklah membuat permohonan dan mendapat kelulusan daripada PTj masing-masing sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh penyerahan tesis untuk peperiksaan dengan justifikasi kukuh.
- (8) Calon yang **tidak mencapai merit akademik** dalam peperiksaan tesis bagi Ijazah Kedoktoran **tidak akan dianugerahkan dengan kelayakan Sarjana** sebagai '*exit award*'.

7. PENUTUP

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pentadbir Pusat dan Pentadbir PTj dalam proses pengurusan calon kemasukan secara *Fast Track*. Ia bertujuan untuk menjamin kualiti dan keselarasan proses di setiap PTj. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Standard: Sarjana dan Kedoktoran MQA (versi terkini) dan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Kedoktoran) (versi terkini). Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Diluluskan oleh Senat pada 25.06.2020.